

MAHATHIR-STRATEGI
(EMBARGO- PUKUL 5.00 PETANG 29 MAC)

1984

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- STRATEGI PEMBANGUNAN NEGARA AKAN DIARAHKAN BAGI MEMBINA KERJASAMA ERAT ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA DISAMPING MENEKANKAN PENGGUNAAN SUMBER NEGARA YANG TERHAD DENGAN SEPENUHNYA KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BERUCAP MEMBENTANGKAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (RME) DI DEWAN RAKYAT YANG DISIARKAN LANGSUNG KE SELURUH NEGARA OLEH RTM, PERDANA MENTERI BERKATA KAJIAN ITU MENGANOUNGI GARIS PANDUAN BAGI PENERAPAN NILAI BARU DAN STRATEGI PELAKSANAAN SESUAL DENGAN KEHENOAK SEHASA.

KATANYA, STRATEGI PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA YANG MELIBATKAN KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA MENITEBERATKAN SUPAYA SUMBER EKONOMI, TERMASUK KEUPAYAAN TENAGA MANUSIA DAPAT DIGUNAKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

INI ADALAH SEJAJAR DENGAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN DASAR PANDANG KE TIMUR YANG JUGA MENGANDUNGI NILAI DAN SIKAP YANG PERLU DIAMALKAN OLEH RAKYAT, KATANYA.

MENURUT BELIAU DARI SINILAH NANTI AKAN LAHIR SEMANGAT UNTUK BEKERJA KUAT, BERDEDIKASI, BERDIKARI DAN UNSUR MELAHIRKAN KUNSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH YANG BERTUJUAN MENGUKUHKAN KEPIMPINAN MELALUI TELAOAN.

-- LAGI 1511/LK

MAHATHIR-STRATEGI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBENTANGAN KAJIAN KALI INI BERGANJAK DARI PADAT RADISI YANG MENUMPUKAN KEPADA AGIHAN PERUNTUKAN KEPADA USAHA YANG PERLU DIBUAT SUPAYA RANCANGAN PEMBANGUNAN DAPAT DISERTAI RAMAI DENGAN LEBIH AKTIF BAGI MEMBANGUN NEGARA.

TENTANG KEMISKINAN, BELIAU BERKATA USAHA PEMBASMIANNYA AKAN TERUS MENJADISATU DARI PADA DUA MATLAMAT PENTING PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA MEMBERI PERHATIAN KHUSUS DALAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR YANG BERMAKNA PEMBANGUNAN MASYARAKAT DESA YANG MISKIN.

+ PEMBANGUNAN INI MERUPAKAN SATU USAHA AGXHAN KEKAYAAN DARI BANDAR DAN DARI PADA YANG KAYA, KEPADA DESA DAN YANG MISKIN,

+ BERPULUH RIBU JUTARINGGIT TELAH OIBELANJAKAN UNTUK MAKSUD INI DAN BERPULUH RIBU JUTA RINGGIT LAGI AKAN DIBELANJAKAN DALAM RANCANGAN YANG AKANDATANG+ KATA PEROANA MENTERI.

BELIAU MENYEBUTKAN ANTARA PROJEK TERBESAR YANG SEDANG DILAKSANAKAN SEPERTI RANCANGAN PERAIRAN MUDA DAN KADA, JENKATIGA SEGI, PAHANG TENGGARA, KEDA, FELDA, RISDA DAN LAIN-LAIN.

-- LAGI 1517/LK

MAHATHIR-STRATEGI 3 KUALA LUMPUR

KERAJAAN, KATANYA, BERHAK BERBANGGA DENGAN DASAR PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR KERANA IA SUDAH MENJADI CONTOH DAN TELADAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN LAIN SERTA AGENSI ANTARABANGSA LAIN DALAM PEMBANGUNAN.

+TETAPI, KERAJAAN TIDAK SUKA MENDAE EK DADA DAN PUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN ITU. KERAJAAN TIDAK BERHENTI MENKAJI DAN Mencari JALAN DAN USAHA LAIN UNTUK MEMPERTINGWATKAN LAGI PEMBANGUNAN DESA+ TAMBAH BELIAU.

DALAM SEMAKAN SETENGAH PENGGAL RME KATANYA SATU KAJIAN YANG MENDALAM TELAH DIBUAT DAN KERAJAAN TELAH BERSETUJU UNTUK MENERIMA SATU PENDEKATAN BARU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENDAPAT PARA INTELAKTUAL YANG MENYATAKAN KEMISKINAN PARA PETANI DI NEGARA INI, DISEBABKAN OLEH TUANTANAH SEWA (ABSENTEE LANDLORD) ADALAH TIDAK TEPAT.

MENURUT BELXAU MEREKA ITU ADALAH SEBENARNYA AHLI TEORI YANG TERPENGARUH DENGAN PENDAPAT BARAT.

-- LAGI 1530/LK

MAHATHIR-STRATEGI 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PERKARA ITU MUNGKIN BENAR DI MESIR, PAKISTAN DAN IRAN DI ZAMAN DAHULU, TETAPI DI NEGARA INI HASALAH TUANTANAH YANG MENYEWAKAN TANAH ADALAH MEREKA YANG MEWARISITANAH YANG TERLALU KECIL MENURUT SISTEM FARAID ISLAM DAN KEBANYAKAN MEREKA ITU IALAH ANGGOTA POLIS PANGKAT RENDAH, KERANI, PELAYAN PEJABAT YANG BERKERJA DI BANDAR.

MENGENAI USAHA UNTUK MEMPERBAIKI NASIB PARA PETANI DI NEGARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENGADAKAN PROGRAM PERTANIAN BERKELOMPOK DAN PENGUMPULAN- KAMPUNG-KAMPUNG YANG BERDEKATAN UNTUK DIJADIKAN BANDAR KECIL.

INI, TAMBAH BELIAU, MERUPAKAN SATU PENDEKATAN YANG BIJAK DAN LEBIH MENGUNTUNGAN PARA PETANI DENGAN CARA MENCANTUMKAN TANAH MEREKA YANG SEBELAH MENYEBELAH UNTUK MENJADI +ESTET+ PAOI.

BELIAU BERKATA PENGURUS-PENGURUS +ESTET+ ITU AKAN DILATIH OLEH KERAJAAN DAN KOPERASI AKAN MEMBAYAR GAJI MEREKA NANTI SERTA JENTERA AKAN JUGA DIMILIKI OLEH KOPERASI ESTET.

-- LAGI 1700/LK

MAHATHIR - STRATEGI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS TERHADAP PERCUBAAN AHLI POLITIK DAN ORANG YANG INGIN MENJADI JAGUH, UNTUK MENJADIKAN USAHA BAIK KERAJAAN ITU SEBAGAI SATU ISU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA SEDANG MERANGKA SATU PELAN INDUK PERINDUSTRIAN SECARA MENYULURUH.

MENURUT BELIAU PELAN ITU SECARA KHUSUS, AKAN MEMASTIKAN TERBENTUKNYA RANTAIN YANG LEBIH LENGKAP ANTARA SEKTOR, PENGGUNAAN SUMBER YANG OPTIMUM DAN PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN YANG LEBIH SEJAJAR ANTARA KAWASAN. . .

BELIAU BERKATA JAYA ATAU TIDAKNYA STRATEGI BAGI PELAKSANAAN RANCANGAN PERINDUSTRIAN ITU TIDAK LAH BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA DASAR, MODAL DAN TEKNOLOGI.

TETAPI, TAMBAH BELIAU YANG LEBIH PENTING DARIPADA TIGA ASAS ITU XALAH KECEKAPAN PENGURUSAN, MINYAK DAN SERTA KESANGGUPAN BEKERJA.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA YANG SEKARANG SUDAH MAJU DI BIDANG INDUSTRI TELAH MEMBUAT BANYAK PENGORBANAN SEBELUM BERJAYA. -- LAGI 1705/II

ZCZC 8634

MAHATHIR - STRATEGI 6 KUALA LUMPUR

'' PEKERJA MEREKA SEKERJA KUAT DAN TIDAK MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI. CUMA APABILA MEREKA MAJU SAHAJA BARULAH FIKIRAN DITUMPUKAN KEPADA NIKMAT YANG LEBIH UNTUK DIRI SENDIRI. ''

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA INIKINI TELAH MEMASUKI ERA BARU KE ARAH PEMBANGUNAN INDUSTRI GANTIAN IMPORT PERINGKAT KEDUA DAN INDUSTRI SERAT.

KATANYA, DENGAN ADANYA INDUSTRI BERAT ITU, BERBAGAI-BAGAI FAEDAH SAMPINGAN ATAU RANTAIAN AKAN OAPAT DIHASILKAN TERUTAMANYA DARI SEGI MENGGUNA SUMBER ASLI NEGARA DAN MENYEDIAKAN ASAS MEMAJUKAN TEKNOLOGI TEMPATAN.

BELIAU BERKATA INDUSTRI ITU JUGA OAPAT MENJUMATKAN PERTUKARAN WANG ASING DAN MENUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN SERTA MENAMBAHKAN KEMAHIRAN LAIN YANG DAPAT MEMBERI FAEDAH KEPADA INDUSTRI LAIN DI NEGARA INI.

KATANYA, DALAM INDUSTRI BARU, CUMA KEGATUAN SEKERJA DALAMAN SAHAJA PATUT DIADAKAN DAN TIDAK ADA TEMPAT BAGI MEREKA YANG MAHU MENGGUNAKAN TINDAKAN PERUSAHAAN SEBAGAI ASAS KUASA KEPENTINGAN MEREKA. -- LAGI.
1710/II

ZCZC 8635

MAHATHIR - STRATEGI 7 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, MALAYSIA SEBAGAI NEGARA YANG MEMBANGUN, TIDAK MAMPU MENGAMAL CARA DAN PERMAINAN NEGARA YANG MAJU.

'' JIKA EKONOMI NEGARA YANG SUDAH MAJU PUN BOLEH RUNTUH KEPADA TINDAKAN PERUSAHAAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, APATAH LAGI NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA. BERKORBANLAH DAHULU DAN KEBAHAGIAN AKAN ATANG KEMUDIAN, '' TAMBAH BELIAU.

DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA KEKUATAN NEGARA INI UGA TELAH TERUJI DALAM SAAT-SAAT MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI NEGARA MAMPU MENCATATKAN KEMAJUAN HASIL DARIPADA SEMANGAT DAN KETEKUNAN BEKERJA.

'' WALAUPUN TELAH ADA TANDA-TANDA BAHAWA KEMELESETAN AKAN BERAKHIR, INI TIDAKLAH SERMAKNA YANG KITA SUDAH BOLEH BERPELUK TUBUH DAN MENUNTUT ITU DAN INI, '' TAMBAH BELIAU.

DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA NEGARA INIKINI MEMASUKI SATU ERA BARU DAN KEKUATAN EKONOMINYA AKAN BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA PENINGKATAN DAYA PENGELUARAN DAN KEUPAYAAN UNTUK BERTANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN. -- BERNAMA 1713/II